

UMS kekal kecemerlangan penyelidikan dan inovasi

NST 26.10.17 6
OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE

KOTA KINABALU: Penyelidikan dan inovasi merupakan satu bidang keberhasilan utama yang dikekalkan sebagai satu aspek kecemerlangan melalui penajuan Pertandingan Penyelidikan dan Rekacipta (PEREKA), Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin berkata penajuan PEREKA 2017 adalah

satu bentuk usaha konsisten UMS dalam mengekalkan budaya cemerlang penyelidikan dan inovasi.

"Kita akan melaksanakan beberapa perkara untuk memastikan para penyelidik kita mampu terus menjalankan penyelidikan dan inovasi terbaik dengan menyediakan kemudahan dana dalaman.

"Sebarang perkara yang efisien yang dilaksanakan oleh universiti atau kakitangan, akan kita curahkan kepada para penyelidik dengan memberikan lebih peluang ger-

an-geran penyelidikan yang lebih baik," katanya.

Beliau menjelaskan bahawa sasaran prestasi 50 peratus kenaikan bilangan anugerah yang diperoleh dalam pameran dan pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang mana pencapaian penyelidik dikenalpasti melalui PEREKA.

"PEREKA sangat signifikan dalam melonjakkan nama UMS di persada antarabangsa sekaligus meningkatkan pencapaian universiti



dalam Malaysia Research Assessment (MyRA), yang mana menjadi indikator terhadap tahap pencapaian universiti dalam bidang penyelidikan," katanya ketika hadir merasmikan Majlis Penyampaian Anugerah PEREKA 2017 di Kompleks Dewan Kuliah ke-2, UMS, kelmarin.

Jelas beliau lagi UMS juga telah meningkatkan jumlah insentif kepada pemenang dalam Anugerah Penyelidik UMS (APUMS) bermula tahun 2017 bagi tujuan menyuntik semangat kepada para penyelidik.

Menurut beliau lagi, sebanyak 300,000 telah diperuntukkan setiap tahun untuk tujuan pengurusan inovasi dan RM200,000 bagi Skim Geran Inovasi (SGI) khusus bagi membantu penyelidik untuk menghasilkan prototaip penyelidikan industri.

"Bukan sekadar mendapat

BERTUKAR DOKUMEN
....Upacara menandatangani perjanjian pengkomersialan diantara UMS dengan agensi luar bagi tujuan memasarkan produk hasil penyelidikan UMS.

anugerah dan pengiktirafan, malahan UMS turut memberi peruntukan setiap tahun bagi tujuan inovasi meliputi paten, perlesenan teknologi, keperluan teknologi dan aktiviti pengkomersialan," jelasnya lagi.

PEREKA 2017 dengan 10 kategori klasifikasi pertandingan itu telah disertai oleh 249 projek yang terdiri daripada 186 bagi kategori penyelidikan dan 63 bagi kategori inovasi.

Turut berlangsung selepas perasmian penutupan PEREKA 2017 adalah Majlis Menandatangani Pengkomersialan UMS Eco-Solar Dryer diantara UMS dengan Villaco Sdn. Bhd. dan Perjanjian Pengkomersialan Formulation of Fixing Agent for Textile Dyeing Application on Indigo Dye diantara UMS dengan Denim Care Sdn. Bhd.